

23 JAN 1998

Umno-Ramli

PASTIKAN MESYUARAT UMNO LANCAR, KATA RAMLI

IPOH, 23 Jan (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Perak menggesa semua Ketua Bahagian parti itu memastikan mesyuarat peringkat cawangan dan bahagian Umno dapat dikendalikan dengan lancar.

Pengerusinya, Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata, perkara-perkara yang tidak diingini seperti masalah keanggotaan, kuorum dan cara menjalankan mesyuarat perlu dielakkan.

"Terdapat beberapa tempat yang sering menghadapi masalah berkenaan yang menjadi punca hingga menimbulkan kejadian yang tidak diingini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat badan itu di sini hari ini.

Katanya, cara serta kelayakan pengerusi mengendalikan mesyuarat dan kelayakan anggota juga sering menimbulkan masalah kepada kelancaran perjalanan mesyuarat berkenaan.

Beliau berkata, Umno negeri turut menggesa supaya mesyuarat peringkat Bahagian, Pemuda dan Wanita dapat dijalankan serentak bagi menjimatkan perbelanjaan.

Terdapat 23 Bahagian dan lebih 1,600 Cawangan Umno di seluruh negeri ini.

Majlis Tertinggi Umno memutuskan mesyuarat peringkat cawangan tahun ini akan diadakan pada 16 Feb hingga 15 Mac manakala bahagian 16 hingga 31 Mac.

Ramli juga berkata, mesyuarat hari ini turut memutuskan dengan sebulat suara akan terus memberi sokongan padu kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menghadapi masalah ekonomi ketika ini.

Sehubungan itu semua anggota Umno perlu mengambil langkah sama ada yang diputuskan kerajaan atau dengan usaha sendiri bagi menangani masalah itu, katanya.

Katanya, rakyat perlu berjimat cermat dengan mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu seperti bercuti ke luar negeri dan membeli barangan import.

Beliau juga berkata, Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno negeri juga mempunyai programnya sendiri yang akan dilaksanakan bagi menangani masalah kegawatan ekonomi negara. -- BERNAMA

RZS NMO